

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATO' AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
KAWASAN : MACHANG**

SOALAN :

YB DATO' AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah terdapat sebarang pelan khusus yang dirangka oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang teruk menghala ke Pantai Timur terutamanya ketika cuti musim perayaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan prihatin tentang masalah kesesakan lalulintas terutamanya pada musim-musim perayaan. Kesesakan pada musim -musim perayaan adalah disebabkan oleh bilangan trafik yang luar biasa. Pelbagai tindakan proaktif telah dibuat bagi mengurangkan masalah kesesakan ini yang terdiri daripada tindakan jangka pendek dan juga jangka panjang. Tindakan jangka pendek antara lainya adalah dengan penghebahan jalan-jalan alternatif. Selain itu, Kerajaan sentiasa akan mengeluarkan arahan pemberhentian kerja penyenggaraan dan pembinaan dalam rizab Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri serta mengalihkan semua jentera/peralatan jauh dari bahu jalan dimusim-musim perayaan.

Bagi memastikan kelancaran trafik, Kerajaan melalui JKR Daerah akan membuat penyelarasan di daerah masing-masing bersama Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan bagi memastikan pengurusan lalulintas yang cekap semasa musim perayaan.

Pihak Kerajaan juga telah menyarankan supaya pihak pengguna lebuh raya/jalan raya memulakan perjalanan ke kampung secara berperingkat (*staggered departures*).

Bagi penyelesaian jangka panjang pula, Kerajaan sentiasa mengenalpasti jalan-jalan yang perlu dinaiktaraf disebabkan oleh kesesakan. Untuk makluman Ahli yang terhormat, dalam RMK 11 sahaja sehingga kini, Kerajaan telah meluluskan sebanyak 68 projek yang terdiri daripada projek menaiktaraf jalan sedia ada dan juga pembinaan jalan baharu yang melibatkan peruntukan sebanyak RM 18.32 bilion.

Sementara itu, bagi masalah kesesakan di lebuh raya pula, kementerian ini telah mencadangkan penggunaan "*intelligent transport system*" (ITS) contohnya penggunaan RFID bagi pembayaran tol di mana pengguna tidak

perlu berhenti atau memperlahankan kenderaan mereka apabila tiba di tol plaza di sesuatu lebuh raya. Dengan ini kesesakan teruk di plaza tol akan dapat dihapuskan.

Sekian, terima kasih.